

16/07/2004

Lagi aduan politik wang

ALOR STAR: Sepuluh ahli jawatankuasa Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu membuat aduan kepada pucuk pimpinan parti mendakwa pemilihan ketua pemuda bahagian itu membabitkan politik wang.

Dalam salinan surat yang diperoleh akhbar New Straits Times semalam, mereka mendakwa menerima aduan perwakilan disogok RM200 pada satu majlis jamuan makan malam, antara jam 8 malam dan 1 pagi Khamis lalu.

Pada pemilihan itu, Zulkifli Ahmad menang dengan mendapat 141 undi, manakala Datuk Mukhriz Dr Mahathir menerima 132 undi dan lapan undi rosak.

"Kewajaran anggapan itu turut disandarkan kepada bilangan pencalonan cawangan dengan Zulkifli hanya mendapat 34 pencalonan, manakala Mukhriz memperoleh 42 pencalonan," kata mereka yang menandatangani bersama surat aduan itu.

Seorang daripada ahli jawatankuasa yang menandatangani surat itu dihubungi mengakui beliau antara 10 ahli jawatankuasa terbabit tetapi tidak mahu namanya disiarkan.

Beliau berkata, kenyataan bersumpah perwakilan yang hadir di Kuala Perlis turut dikepilkan bersama surat aduan berkenaan.

Surat bertarikh 11 Julai 2004 dialamatkan kepada Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dan Tata Tertib, Datuk Seri Najib Razak; Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Radzi Sheikh Ahmad.

(END)